

**UCAPAN PERASMIAN  
YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI ALI  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
MERANGKAP  
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH  
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN  
ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH 2022  
(AIGA 2022)**

**17 MEI 2022 (SELASA, PUTRAJAYA)**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,  
Salam Integriti dan Salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih Pengerusi Majlis

YBhg. Datuk Seri Mohd. Shafiq Abdullah  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Datuk Seri Mohd Sallehuddin Bin Hassan  
Ketua Pengarah, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional  
(GIACC)

YBhg. Datuk Wan Suraya Binti Wan Mohd Radzi  
Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM)

YBhg. Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Ahli-ahli IIM,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan  
dan Puan-Puan,

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua. Maaf Zahir dan Batin.
2. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya, dapatlah kita bersama-sama menjayakan Majlis Pelancaran Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah Tahun 2022 (ataupun singkatannya AIGA 2022) pada hari ini.

3. Untuk makluman semua, majlis AIGA tahun ini merupakan lanjutan kepada penganjuran AIGA 2020 Peringkat Negeri Pahang yang telah julung kali diadakan pada 26 Oktober 2021 anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM) bersama dengan rakan strategiknya iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Yayasan Pahang.
4. Tahun ini, AIGA 2022 akan membuka tirainya di peringkat Kebangsaan. Malah ianya juga akan diperkembangkan ke negeri-negeri lain seperti Pahang, Sarawak, Johor, Melaka dan Perak.
5. Sehubungan itu, rakan-rakan strategik IIM dalam menjayakan AIGA 2022 juga diperluaskan meliputi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berkaitan serta agensi-agensi awam dan swasta seperti :
  - i. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
  - ii. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
  - iii. Bursa Malaysia;
  - iv. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC);
  - v. SME Corporation Malaysia (SME Corp);
  - vi. Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG); dan
  - vii. SIRIM Berhad.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Saya berharap agar Anugerah ini akan dapat menjadi mekanisme penanda aras (*benchmark*) terbaik bagi organisasi awam mahupun swasta dalam membudayakan integriti, tadbir urus terbaik dan antirasuah terutamanya dalam organisasi masing-masing yang boleh dijadikan contoh teladan kepada organisasi-organisasi lain.

7. Ianya adalah selari dengan aspirasi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) supaya “Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukannya rasuah”.
8. Anugerah AIGA ini julung-julung kalinya diadakan di peringkat Kebangsaan dan setakat ini, tiada anugerah seumpamanya di Malaysia. Bermula pada tahun ini, AIGA Peringkat Kebangsaan akan dijadikan acara tahunan IIM.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Penyertaan AIGA terbuka kpd semua agensi awam dan swasta tanpa mengira saiz organisasi. Manakala kriteria penilaian memfokuskan keupayaan dan ketersediaan organisasi dalam proses dalaman.
10. Proses penilaian kriteria AIGA 2022 akan mengguna pakai standard pematuhan piawaian antarabangsa yang terkini. Ini termasuk:
  - a) MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah;
  - b) MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti;
  - c) ISO 37000:2022 *Governance of Organisation*;
  - d) ISO 37002:2022 *Whistleblowing Management System*;
  - e) *Enterprise Risk Management* / Penarafan Risiko;
  - f) Garis Panduan Tatacara Mencukupi (Prinsip T.R.U.S.T.) Di Bawah Subseksyen (5) Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Pindaan) 2018; dan
  - g) Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti & Governans yang dikeluarkan oleh SPRM;

11. Dalam penganjuran AIGA 2020 yang lepas, terdapat sebanyak 41 penyertaan yang terdiri daripada Badan Penuh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, Badan Separa Kerajaan dan Badan Swasta di negeri Pahang.
12. Daripada jumlah tersebut, 11 Agensi telah diiktirafkan sebagai Pemenang Anugerah Emas pada AIGA 2020 dengan skor 80% ke atas, di mana 3 Agensi merupakan badan penuh kerajaan. Antara pemenang-pemenang Anugerah Emas termasuk BASF Petronas Chemicals Sdn Bhd, KPJ Pahang Specialist Hospital, Jabatan Kerja Raya Pahang, FGV Refineries Sdn Bhd dan Majlis Daerah Cameron Highlands.
13. Walau bagaimanapun, TIADA syarikat atau agensi awam yang berjaya sebagai Pemenang Anugerah Platinum pada tahun lepas dengan skor penilaian 90% dan ke atas
14. Saya berharap semua pemenang tahun lepas akan turut serta dalam AIGA 2022 Peringkat Kebangsaan sebagai tanda komitmen usaha berterusan mereka bagi memperkukuhkan pembudayaan tadbir urus, etika dan integriti dalam organisasi serta menjadi contoh terbaik pengurusan perniagaan kepada agensi mahupun syarikat lain.
15. Malah, saya juga amat berharap tahun ini, ada syarikat atau agensi awam akan berjaya dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Platinum.

16. Sehubungan itu, saya menjemput semua organisasi tidak kira sektor swasta mahupun awam untuk mengambil peluang menyertai AIGA 2022.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

17. AIGA merupakan salah satu daripada pendekatan baharu yang diperkenalkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) tahun ini dalam usaha memperkasakan peranannya sebagai peneraju utama pembudayaan dan penerapan nilai-nilai integriti dan tadbir urus bagi rakyat Malaysia.
18. Pada tahun ini juga, IIM akan mengeluarkan beberapa produk baharu dan produk inovasi seperti:
  - **Modul Integriti Penguatkuasa (MIP)** yang dibangunkan bersama dengan semua agensi di bawah seliaan Suruhanjaya Integriti Penguatkuasaan (EIAC), SWCorp, PBT Lembah Klang dan Jabatan Integriti Pematuhan Standards (JIPS, PDRM).
  - **Modul Latihan Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM)** yang memfokuskan kepada penerapan nilai-nilai etika dan bebas rasuah dalam budaya perniagaan negara. Modul ini sedang dibangunkan oleh IIM bersama dengan rakan peneraju seperti SPRM, Bursa Malaysia, SSM, Suruhanjaya Sekuriti dan ICDM.
  - **Modul Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB)** yang akan dibangunkan oleh IIM bersama-sama dengan Unit Integriti dan Ombudsman (UNION) Negeri Sarawak. Projek

rintis CIB akan dilaksanakan pada tahun ini di 4 kawasan PBT iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Daerah Serian, Majlis Daerah Limbang dan Majlis Daerah Matu-Daro.

- **Modul Latihan Tatacara Mencukupi bagi Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018 (Liabiliti Korporat)** yang sedang dimuktamadkan bersama rakan peneraju seperti SPRM, SSM, SC, SME Corp, TI-Malaysia, Bursa Malaysia, ICDM dan MICG.
19. IIM juga akan memantapkan lagi aktiviti dan program advokasi dan libat urus dengan pelbagai pemegang taruh bagi menyebarkan peranannya terutama sekali memperkasakan pembudayaan nilai-nilai governans dan integriti di kalangan penjawat awam dan swasta.
20. Di samping itu, IIM akan terus memainkan peranannya untuk menjayakan pencapaian pelaksanaan inisiatif-inisiatif NACP seperti:
- i. pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) oleh semua organisasi awam dan swasta; dan
  - ii. pelaksanaan pensijilan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) MS ISO 37001 oleh agensi Kerajaan.
21. Kesemua usaha ini merupakan susulan mandat baharu yang telah diberi kepada IIM untuk memantapkan kualiti dan prestasi tadbir urus sektor awam dan swasta di Malaysia.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

22. Saya amat berharap dengan pelancaran AIGA 2022 pada tahun ini akan berjaya menyuntik semangat dan komitmen berterusan terutamanya kepada semua organisasi untuk mempertingkatkan sistem pengurusan kawalan dalaman dan tadbir urus masing-masing.

23. Akhir kalam, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Majlis Anugerah, Integriti dan Antirasuah 2022 (AIGA 2022) Peringkat Kebangsaan.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.